

10 FEB 2004

Abdullah-Pilihan raya

UMNO NEGERI DIARAH GERAK JENTERA PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengarahkan semua pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing bagi menghadapi pilihan raya umum ke-11 yang boleh diadakan pada bila-bila masa.

Sambil mengingatkan para pemimpin Umno di setiap peringkat termasuk pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri supaya melibatkan semua anggotanya, Perdana Menteri berkata semua anggota parti hendaklah bekerja dengan kuat untuk mencapai kemenangan pada pilihan raya umum kelak.

"Jangan dok tanya bila pilihan raya akan diadakan, yang pentingnya jentera parti mestilah berada dalam tahap kesediaan yang menyakinkan untuk mencapai kemenangan nanti," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Menara Datuk Onn di sini hari ini.

Abdullah, yang juga pemangku Presiden Umno, berkata parti itu yang baru sahaja melalui perubahan pucuk pimpinan, kini berada dalam keadaan kukuh dan padu.

Beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas dan melantik Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 7 Jan.

Abdullah berkata sokongan anggota parti terhadap pucuk pimpinan sedia ada amat baik dan pelantikan Najib bagi memegang jawatan nombor dua kerajaan juga disambut baik.

Katanya tugas-tugas Jawatankuasa Pengurusan parti, yang kini berada dalam tanggungjawab Najib sebagai Pengerusi jawatankuasa itu, juga telah berjalan dengan baik.

"Keadaan dalam Umno sekarang ini menunjukkan kesepakatan, kerjasama dan sokong menyokong dan berada dalam tahap yang amat menyenangkan, kita harap ia berterusan," katanya.

Menjawab satu soalan mengenai tahap pemilihan calon Umno untuk bertanding pilihan raya, Abdullah berkata ia masih awal lagi.

"(Senarai cadangan calon) belum sampai pada kita. Tidak ada negeri yang beri (nama calon) kepada jawatankuasa pengurusan pada masa ini," katanya.

Mengenai dakwaan PAS bahawa kerajaan sengaja lewat-lewatkan laporan

Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan bekas ketua pengarah pendidikan Tan

Sri Murad Mohamed Noor mengenai Sekolah Agama Rakyat kerana mempunyai

agenda pilihan raya, Abdullah berkata sehingga hari ini beliau sendiri

belum berbincang dengan Murad mengenai perkara itu.

"Soal PAS nak kata apa, dia boleh katalah. Memang parti PAS ini anggap

kita (kerajaan) tiada yang elok... semuanya tidak kena, bila kita buat elok

sikit semua dikatakan ada kena mengena dengan pilihan raya.

"Parti kita bukan hanya untuk pilihan raya dan bukan hanya kerja kuat

untuk pilihan raya," katanya.

Perdana Menteri menegaskan bahawa Umno, yang menjadi tunggak parti dan

kerajaan yang memerintah, mempunyai visi dan rancangan untuk dilaksanakan

bagi mencapai hasrat Wawasan 2020 iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara

maju.

Beliau bagaimanapun yakin bahawa rakyat lebih bijak untuk menilai apa

yang dilaksanakan kerajaan dengan berbagai dakwaan PAS terhadap kerajaan.

Mengenai mesyuarat MT hari ini, Abdullah berkata beliau turut menjelaskan mengenai hasil lawatannya ke negara-negara anggota Asean

yang

kebanyakannya mahu Malaysia mengadakan hubungan dan kerjasama yang lebih

baik serta erat.

Katanya, Malaysia turut menyatakan pendirian bahawa ia akan terus

berkerjasama dan bermuafakat dengan negara anggota Asean kerana sebagai

negara yang berada dalam satu wilayah adalah penting untuk mereka berbaik-baik dan bekerjasama bagi menghadapi apa jua masalah yang

melanda

rantau itu.

-- BERNAMA

HS HM MOZ